

61 – Islam tersebar dengan pedang?

- قُلْ لِلْمُخَلَّفِينَ مِنَ الْأَعْرَابِ سُدْعُونَ إِلَى قَوْمِ آوِي بِأْسٍ شَدِيدٍ تُقَاتِلُونَهُمْ أَوْ يُسْلِمُونَ (Al Fath: 16).
- Nabi mengajak orang Arab yang sebelum ini enggan turut serta berperang untuk memerangi satu kaum yang sangat kuat. Mereka samaada diperangi atau masuk Islam.

Soalan

- Inilah buktinya Islam itu disebarkan dengan cara kekerasan, iaitu terima Islam atau dibunuh.
- Mereka yang enggan akan dibunuh atau mereka sanggup membayar jizyah.
- Bukankah agama yang benar disebarkan dengan bukti dan hujjah, bukan dengan paksaan dan ancaman?

Jawapan

- ✓ Kalau mereka yang dikalahkan oleh tentera Islam itu terpaksa memeluk Islam, maka setelah Islam tidak lagi berkuasa, kenapa mereka yang 'terpaksa' memeluk Islam itu tidak keluar beramai-ramai daripada Islam?
- ✓ Perang juga adalah untuk melawan kekuatan kebendaan dan persenjataan orang-orang kafir yang menghalang penyebaran dan pelaksanaan agama Allah.
- ✓ Setelah mereka di kalahkan, mereka boleh hidup bebas di bawah pemerintahan Islam dengan cara hidup dan agama mereka sendiri dengan syarat membayar jizyah kepada kerajaan Islam yang memerintahnya.

62 – Hukum Qisas kepada pembunuh

- يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلَى الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنْثَى بِالْأُنْثَى فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ (Al Baqarah: 178)
- Orang yang membunuh orang Islam lain dengan sengaja akan dibunuh balas mengikut hukum Islam.
- Berkenaan orang merdeka dibunuh kerana hamba, lelaki kerana perempuan, orang mu'min kerana orang Kafir, terdapat khilaf padanya kerana tiada nas yang jelas daripada Al Quran.

Soalan

- Menurut Mazhab Maliki dan Syafie, orang merdeka tidak dibunuh kerana membunuh hamba. Begitu juga, lelaki tidak dibunuh kerana membunuh perempuan, dan begitu lah seterusnya... Dimana keadilan Islam dalam menilai nyawa manusia?
- Bagaimana pula dengan ayat yang telah ditetapkan didalam Kitab Taurat dan diteruskan oleh Al Quran, iaitu **وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ** (Al Maaidah: 45)?

Jawapan

- ✓ Ayat surah al Baqarah mentafsirkan atau menjelaskan apa yang terdapat didalam surah al Maaidah.
- ✓ Keraguan yang ditimbulkan oleh mereka itu adalah berdasarkan mazhab, bukan kehendak ayat Al Quran itu sendiri.
- ✓ Menurut Mazhab Malik dan Syafie, orang merdeka tidak dibunuh disebabkan hamba dan seterusnya, kerana dia persamaan. Namun mereka tetap tidak terlepas daripada membayar diyat.
- ✓ Apa pun khilaf berkaitan qisas, nyawa manusia tetap tidak boleh diambil ringan, apatah lagi nyawa orang Islam. وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ (An Nisaa': 93) وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا

63 – Hukum membunuh orang murtad

- وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (Al Baqarah: 217)
- وَدُّوا لَوْ تَكْفُرُونَ كَمَا كَفَرُوا فَتَكُونُونَ سَوَاءً فَلَا تَتَّخِذُوا مِنْهُمْ أَوْلِيَاءَ حَتَّى يُهَاجِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَحُذِّوهُمْ وَاقْتُلُوهُمْ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَلَا تَتَّخِذُوا مِنْهُمْ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا (An Nisaa': 89)
- Orang murtad yang mati dikira sebagai orang Kafir.
- Islam memerintahkan supaya orang Kafir diperangi.

Soalan

- Kenapa Allah memerintahkan supaya orang yang tidak mahu berhijrah dibunuh (An Nisaa')?
- Di manakah kebebasan berakidah dan beragama kalau orang yang murtad itu di hukum bunuh?

Jawapan

- ✓ Ayat surah An Nisaa' bukan hanya menceritakan tentang orang yang tidak berhijrah, tetapi berkenaan orang munafiq yang pada hakikatnya adalah kafir.
- ✓ Mereka dibunuh bukan kerana enggan berhijrah tetapi kerana permusuhan mereka terhadap Islam.
- ✓ Hijrah yang dimaksudkan ialah memeluk Islam.
- ✓ Orang yang asal kafir dan tidak berganjak dengannya tidak dibunuh.
- ✓ Murtad adalah tanda mereka mempermainkan akidah, iman dan mempersendakan agama Islam dan Al Quran.

64 – Empat saksi zina

- وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمْنِينَ جَلْدَةً ۖ وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ (An Nur: 4)
- Ayat ini mengingatkan kita supaya berhati-hati dalam menuduh orang berzina, yaitu dengan membawa 4 orang saksi.
- Kalau tuduhan tetap diteruskan tanpa 4 saksi, orang yang menuduh itu akan dikenakan had qazaf.

Soalan

- Akan cukupkah 4 saksi? Kerana perzinaan biasanya berlaku di tempat tertutup.
- Apakah 3 orang saksi yang menyaksikan dengan mata kepala mereka sendiri kejadian tersebut tetap dikenakan hukuman sebat?
- Islam menuntut 4 saksi untuk zina merupakan perkara yang hampir mustahil, dan memang bertujuan membebaskan pelaku zina.

Jawapan

- ✓ Diperlukan 4 saksi untuk mengelak berlaku tuduhan palsu dan supaya ia tidak menjadi buah mulut orang.
- ✓ Tujuan Al Quran bukanlah menghukum pezina semata-mata, bahkan menyukarkan mereka untuk melakukan perbuatan tersebut dengan bersembunyi di tempat yang hampir mustahil ditemui 4 saksi.
- ✓ Susah menjatuhkan hukuman bererti mengambil berat dan meneliti sehabis daya sebelum membuat keputusan yang berkait dengan maruah dan kehormatan seseorang.

65 – Nasikh Mansukh dalam hukuman zina

- وَأُولَئِكَ يَأْتِينَ الْفُحْشَةَ مِنْ نِسَائِكُمْ (An Nisaa': 5) hingga firmanNya أَوْ يَجْعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا
- Perempuan-perempuan yang berzina mesti didatangkan 4 saksi. Kalau telah disahkan, maka mereka akan dikenakan tahanan rumah sepanjang hayat ataupun datang hukum baru daripada Allah.

Soalan

- Patutkah kesalahan ini dikenakan hukuman penjara seumur hidup? Bagaimana dengan masa depan pesalah?
- Sepatutnya mereka diberi peluang bertaubat dan memulakan kehidupan baru.

Jawapan

- ✓ Hukum didalam ayat ini telah dimansuhkan dan diganti dengan ayat sebat didalam surah An Nur.
- ✓ Tiada seorang pun penzina mati dalam tahanan rumah sepanjang hidup Nabi dan para sahabat.